



UPM-MPSJ lancar teknologi hijau atasi masalah sisa pepejal



SERDANG, 23 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melancarkan projek Vermicomposting dan Biogas Anaerobic Digestion iaitu teknologi hijau bagi mengatasi masalah sisa pepejal di Pasar Awam Seri Serdang.

Yang Dipertua MPSJ, Dato' Asmawi Kasbi berkata pelaksanaan projek itu merupakan yang pertama dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan di Malaysia.

Katanya, projek Biogas Anaerobic Digestion telah dibiayai kira-kira RM200,000 oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) manakala pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menampung kos RM140,000 bagi projek Vermicomposting. "Projek yang dibangunkan sepenuhnya oleh penyelidik UPM itu diharapkan akan dimanfaatkan oleh peniaga dan boleh dikongsi bersama penduduk Serdang," katanya pada majlis pelancaran projek.



Sementara itu, projek Biogas Anaerobic Digestion merupakan salah satu teknologi yang berpotensi menukarkan sisa makanan kepada biogas, iaitu gas yang terdiri daripada campuran metana, karbon dioksida dan efluen biojisim. Sisa enapcemar dari pencernaan anaerobic juga boleh digunakan sebagai baja.

Selain dari amalan untuk pengurangan sisa pepejal, teknologi biogas ini bersesuaian dengan Dasar Tenaga Boleh diperbaharui Negara Malaysia dan Pelan Tindakan untuk meningkatkan tenaga boleh diperbaharui daripada 1 peratus kepada 5.5 peratus bekalan elektrik menjelang 2015.



Projek Vermicomposting yang diketuai oleh Prof. Dr. Azni Idris dari Fakulti Kejuruteraan UPM merupakan proses penguraian semulajadi menggunakan organisma vermin (cacing) bagi menghasilkan baja kompos dalam tempoh 30 hari.

Terdahulu, UPM dan MPSJ bersetuju bergabung kepakaran bagi melahirkan komuniti hijau bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk Serdang. Projek itu adalah sebahagian program perintis pembangunan konsep bandar biomas yang dilaksanakan selama tiga tahun (2011-2013).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia